



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2005

KEMUDAHAN CUTI BERSALIN KEPADA PEGAWAI LANTIKAN SECARA KONTRAK MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2003

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan pindaan kepada kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai lantikan secara kontrak mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2003 (PP 2/2003).

LATAR BELAKANG

2. Pelantikan secara kontrak pegawai yang berkhidmat dalam sektor awam dibuat melalui PP 2/2003. Perenggan 4.3.5 kepada Panduan dalam PP 2/2003 menetapkan bahawa Cuti Bersalin boleh dipertimbangkan tidak lebih enam puluh (60) hari kepada pegawai wanita warganegara, iaitu sekali bagi setiap tiga (3) tahun perkhidmatan dan terhad kepada dua kali kelahiran bagi tempoh keseluruhan kontrak.

PERATURAN BARU


3. Berikutan daripada permasalahan yang timbul daripada pelaksanaan perenggan 4.3.5 panduan dalam PP 2/2003, Jabatan ini memutuskan supaya perenggan tersebut dipinda seperti berikut :

4.3.5 Cuti Bersalin

- (i) Kemudahan Cuti Bersalin boleh diberi kepada warganegara Malaysia sebanyak lima (5) kali sepanjang perkhidmatan mereka dengan kerajaan;
- (ii) Pegawai kontrak yang telah menggunakan semua kelayakan di perenggan (i), dan bagi setiap kali bersalin seterusnya hendaklah diberi Cuti Bersalin Tanpa Gaji setelah menghabiskan kesemua Cuti Rehat yang ia berkecualan. Bagi maksud tersebut, jumlah Cuti Rehat dan Cuti Bersalin Tanpa Gaji hendaklah tidak melebihi 60 hari mulai tarikh pegawai bersalin; dan
- (iii) Kemudahan Cuti Bersalin Tanpa Gaji di atas tidak menjejaskan Cuti Tanpa Gaji yang diperuntukkan di perenggan 4.3.4 Panduan kepada PP 2/2003 dan tidak menyebabkan tempoh kontrak yang berkuat kuasa terputus.

4. Peraturan ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
PUTRAJAYA

22 Jun 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan